

KEMPEN INISIATIF E-DAGANG S.M.A.R.T NIAGA@PERAK MENJANGKAU UNJURAN PENJANAAN PENDAPATAN PENIAGA MELEBIHI RM1JUTA

IPOH, OKTOBER 9, 2020 – Satu kempen bagi inisiatif e-dagang, S.M.A.R.T Niaga@Perak, 'Kempen e-Bazaar Perak' telah mencapai hasil yang sangat memberangsangkan sehingga memberikan pulangan pendapatan para peniaga yang melebihi jangkauan, iaitu RM1.16 juta.

Kempen tersebut telah dilancarkan pada 25 Julai 2020 di bawah kerjasama strategik Kerajaan Negeri Perak melalui Digital Perak Corporation Holdings (DigitalPerak) dengan syarikat pengendali platform e-dagang Shopee Malaysia (Shopee).

Ini berikutan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua rakan kerjasama tersebut pada 14 Mei yang lepas sempena jualan sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini bagi membantu para peniaga yang terjejas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dalam kempen ini, Kerajaan Negeri telah memberikan sokongan insentif ini bagi menyokong kerjasama Shopee melalui pemberian baucar pembelian RM5 dan RM10 yang berjumlah RM100, 000. Ini adalah bersamaan lebih kurang 11.6 kali dapatan pulangan ke atas pelaburan (Return on Investment) tersebut.

Laporan hasil kejayaan yang diraih ini diserahkan kepada YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu dalam satu sidang media pada hari ini.

Antara lapan kategori produk jualan di laman mikro yang disediakan khususnya untuk negeri Perak, kategori-kategori Home & Living, Health & Beauty dan Groceries & Pets mendominasi produk-produk jualan yang paling laris.

Hadir bersama, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Dato' Zulazlan bin Abu Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi Dan Multimedia Negeri Perak, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan dan Ketua Kluster Barangan Pengguna Bergerak Pantas (FMCG) Shopee, Tan Ming Kit.

Selain membantu 3, 500 para peniaga negeri Perak menjalankan urusan jualan secara dalam talian, inisiatif ini juga telah memperluaskan jualan mereka ke Sabah dan Sarawak serta pasaran antarabangsa melalui platform e-dagang yang terkemuka ini.

